

16 NOV 1999

Osu-Pilihan raya

OSU MAHU SEMUA PENYOKONG BN KELUAR MENGUNDI

KOTA KINABALU, 16 Nov (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Osu Sukam telah mengarahkan semua jentera pilihan raya Barisan Nasional (BN) di negeri itu memastikan semua penyokong parti-parti gabungan keluar untuk mengundi pada pilihan raya umum.

Osu yang juga pengerusi BN negeri berkata meskipun pilihan raya itu hanya membabitkan 20 kerusi Parlimen di Sabah, ia amat penting kepada BN bagi mengekalkan kemenangan majoriti dua pertiga.

"Kita mahu negeri ini menyumbang kerusi maksimum," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan tahunan Tabung Alam Malaysia (WWF), di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai kemungkinan bilangan pemilih yang keluar mengundi rendah terutama di kawasan luar bandar pada pilihan raya 29 Nov ini yang merupakan pertama kali diadakan serentak di seluruh negara. Sebelum ini, pengundian berlangsung dua hari di beberapa kawasan di Sabah dan Sarawak.

Osu juga menggesa pengundi terutama yang menetap di luar kawasan supaya pulang ke kawasan pengundian masing-masing.

Mengenai senarai calon, beliau berkata ia sudah di peringkat akhir dan terpulang kepada pucuk pemimpin BN untuk membuat keputusan muktamad.

Osu berkata beliau akan berlepas ke Kuala Lumpur hari ini untuk bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai perkara itu.

"Selepas calon ditentukan, saya akan menerima surat kuasa untuk menggunakan lambang BN yang akan dibahagi-bahagikan kepada calon-calon yang terpilih," katanya.

-- BERNAMA

NT LAT MAI